

Ungkapan Kesat Dalam Interaksi Siber: Analisis Ketidaksantunan Berbahasa

Nurul Syazwani Zulkifli, Noor Asliza Abdul Rahim, dan Wan Norhaizar Harun

Universiti Malaysia Perlis
nsyazwani@unimap.edu.my, asliza@unimap.edu.my, haizar@unimap.edu.my

ABSTRAK

Ledakan komunikasi digital kini telah mencorakkan budaya interaksi baharu yang dipengaruhi oleh keterbukaan, kepantasan serta pengaruh emosi pengguna ketika berkomunikasi. Kebebasan bersuara dalam ruangan maya membuka ruang kepada penggunaan bahasa yang pelbagai. Bahasa kesat semakin menjadi medium ekspresi yang melampaui batas norma kesopanan berbahasa. Fenomena ini semakin ketara apabila pengguna media sosial menjadikan bahasa kesat bukan hanya sebagai satu bentuk luahan perasaan seperti marah, kecewa dan tidak puas hati, tetapi juga sebagai alat untuk menyerang, menyindir serta mengekspresikan pandangan dalam interaksi siber khususnya dalam isu-isu yang bersifat sensitif dan mengundang perdebatan. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan menganalisis bentuk dan fungsi penggunaan bahasa kesat dalam interaksi siber di platform media sosial seperti Facebook, Tik Tok atau Twitter. Data dikumpul melalui pemilihan isu-isu hangat seperti politik, hiburan dan sukan dalam ruangan sembang netizen dan dianalisis dengan menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif. Dapatan awal menunjukkan bahawa bentuk bahasa kesat yang dominan ialah kata-kata berbentuk penghinaan yang menggunakan metafora haiwan, penggunaan simbol dan emoji, dan kata-kata sifat manusia dengan tujuan untuk menyampaikan perasaan marah, kecewa atau sindiran. Kajian ini penting khususnya kepada pengguna media sosial dalam kalangan generasi muda agar bahasa dapat digunakan secara bertanggungjawab seterusnya dapat mengelakkan normalisasi bahasa kesat sebagai budaya digital yang boleh merosakkan nilai kesantunan penggunaannya. Bahasa kesat dalam media sosial wajar difahami bukan semata-mata sebagai tingkah laku linguistik negatif, tetapi sebagai refleksi identiti, kuasa dan dinamika sosial masyarakat kontemporari.

Kata kunci: Bahasa kesat, komunikasi digital, media sosial, netizen, normalisasi

ABSTRACT

The explosion of digital communication has shaped a new culture of interaction influenced by openness, speed, and the emotional states of users when communicating. Freedom of expression in the virtual space has opened the door to diverse language use. Profane language is increasingly becoming a medium of expression that goes beyond the bounds of traditional politeness norms. This phenomenon is especially evident when social media users employ profane language not only as a way to express emotions such as anger, frustration, and dissatisfaction, but also as a tool to attack, mock, and voice opinions in cyber interactions, particularly on sensitive and controversial issues. Therefore, this study aims to analyze the forms and functions of profane language in cyber interactions on social media platforms such as Facebook, TikTok, and Twitter. Data were collected by selecting trending issues such as politics, entertainment, and sports in the netizen comment sections and analyzed using a descriptive qualitative approach. Initial findings indicate that the dominant forms of profane language include insults using animal metaphors, the use of symbols and emojis, and human adjectives intended to convey anger, disappointment, or sarcasm. This study is important especially for young social media users so that language can be used responsibly, thereby preventing the normalization of profane language as a digital culture that could erode the values of

politeness. Hence, profane language on social media should not be viewed solely as negative linguistic behavior, but as a reflection of identity, power, and the social dynamics of contemporary society.

Keywords: Profane language, digital communication, social media, netizens, normalization

PENGENALAN

Kemunculan teknologi komunikasi digital telah merevolusikan cara manusia berinteraksi, mencipta budaya komunikasi baharu yang dicirikan oleh keterbukaan, kepantasan, dan pengaruh emosi dalam penyampaian maklumat. Dalam konteks ini, media sosial menjadi wadah utama bagi masyarakat meluahkan pendapat secara bebas terutamanya dalam memberi komen, sekaligus membuka ruang kepada penggunaan pelbagai bentuk bahasa dalam corak pertuturan termasuk bahasa kesat. Fenomena ini menunjukkan peralihan ketara daripada norma kesopanan berbahasa kepada gaya komunikasi yang lebih lantang dan bersifat provokatif. Trend penggunaan bahasa kasar dan kesat dalam media sosial semakin berleluasa kini terutama dalam diskusi yang berkait isu politik, ekonomi dan sosial dalam negara. Penggunaan bentuk-bentuk bahasa sebegini menunjukkan perubahan norma komunikasi yang lebih terbuka, namun boleh menimbulkan salah faham atau konflik dalam interaksi sosial masyarakat.

Bahasa kesat merujuk kepada ungkapan atau perkataan yang kasar, biadap, menghina atau menyinggung perasaan seseorang. Ungkapan ini sering digunakan untuk melahirkan dan meluahkan perasaan marah, benci, atau menyatakan ketidakpuasan hati terhadap sesuatu perkara. Menurut Nik Safiah Karim (2009), bahasa kesat merupakan sebahagian daripada bahasa yang tidak santun dan sopan yang bertentangan daripada nilai murni dan adat ketimuran. Bahasa ini digunakan untuk memperlekeh, mencerna dan menghina pihak lain, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Bahasa kesat kini bukan sekadar medium untuk meluahkan kemarahan atau kekecewaan, malah digunakan secara meluas sebagai alat menyindir, menyerang dan menyuarakan pandangan dalam isu-isu sensitif yang mengundang perdebatan. Penggunaan bahasa ini amat ketara di platform media sosial seperti Facebook, TikTok dan Twitter, terutamanya dalam diskusi berkaitan politik, hiburan dan sukan. Perkembangan penggunaan bahasa kesat di media sosial ini turut mencetuskan kebimbangan kerana ia bukan sahaja menjejaskan keharmonian dalam ruangan maya tetapi juga mampu meleret kepada ketegangan dalam dunia nyata. Penggunaan bahasa yang bersifat menghina dan merendah-rendahkan seseorang atau pihak-pihak tertentu secara tidak langsung boleh menjejaskan kesihatan emosi pengguna wacana digital khususnya golongan muda. Sesungguhnya bahasa bukan sekadar mencerminkan tingkah laku individu, tetapi juga dapat mempengaruhi interaksi sosial dalam konteks dunia digital yang lebih luas. Oleh itu, memahami dan memantau penggunaan bahasa di media sosial adalah penting untuk memastikan interaksi yang lebih positif dan sihat dalam kalangan penggunaanya.

Dalam konteks ini, kajian ini bertujuan menganalisis bentuk dan fungsi bahasa kesat dalam interaksi siber dengan menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif. Kajian ini penting bagi meneliti sejauh mana bahasa kesat mencerminkan dinamika sosial, identiti serta kuasa dalam masyarakat digital masa kini. Selain itu, ia juga memberi peringatan terhadap keperluan mengamalkan tanggungjawab linguistik dalam ruang maya, agar budaya komunikasi yang harmoni dan beretika dapat terus dipelihara dalam era digital yang serba mencabar ini.

SOROTAN KAJIAN

Kajian terdahulu berkaitan penggunaan bahasa kesat dan ketidaksantunan dalam media sosial merentasi pelbagai domain, bukan hanya terhad kepada isu politik, tetapi juga mencakupi isu-isu sosial, kekecewaan terhadap institusi tertentu, reaksi terhadap peristiwa semasa, dan juga interaksi harian sesama ahli masyarakat. Ini menunjukkan bahawa ketidaksantunan bukanlah fenomena yang terasing, sebaliknya semakin membudaya dalam ruang digital.

Sebahagian besar kajian memberikan fokus kepada jenis kata atau struktur linguistik yang digunakan dalam ungkapan tidak sopan. Sebagai contoh, kajian oleh Zulhairi dan Kasdan (2022) menganalisis kata makian dalam wacana politik di Twitter, yang terdiri daripada rujukan kepada sifat, bahagian tubuh, haiwan, dan sebagainya. Suganda et al. (2022) pula menyenaraikan pelbagai bentuk kata sumpah yang digunakan pengguna Instagram di Indonesia, termasuk kata tunggal, frasa dan klausa yang merujuk kepada unsur seperti haiwan, objek, emosi, dan kerjaya. Paijin et al. (2022) meneliti penggunaan bahasa slanga dalam kalangan pengguna Twitter, yang seringkali digunakan sebagai alat menyindir atau mengejek.

Di samping itu, pendekatan yang digunakan dalam banyak kajian ini adalah berdasarkan Teori Ketidaksantunan Culpeper (1996, 2011), yang merangkumi strategi seperti ketidaksantunan positif, negatif, langsung, tidak langsung, dan sarkastik. Antaranya termasuk kajian oleh Hammod dan Abdul-Rassul (2017), Ghani (2018), Ibrahim (2020), dan sekali lagi oleh Zulhairi dan Kasdan (2022). Jane Xavierine M Xavier (Thayalan, 2017) menambah sumbangan signifikan apabila mencadangkan tiga kategori baru iaitu tuduhan palsu, ejekan, dan penonjolan keunggulan diri kerana model Culpeper tidak memadai untuk mengklasifikasikan semua bentuk penghinaan yang berlaku di ruang komen YouTube.

Namun begitu, tidak semua ketidaksantunan membawa konotasi negatif. Kajian Mansor et al. (2004) yang meneliti ketidaksantunan dalam iklan berbahasa Sepanyol, menunjukkan bahawa unsur ini boleh menjadi strategi persuasif yang efektif bagi menarik perhatian pelanggan. Pendekatan ini memperlihatkan sisi ketidaksantunan yang bersifat pragmatik dan strategik. Walaupun terdapat elemen analisis pragmatik dalam beberapa kajian, masih kurang tumpuan diberikan kepada aspek makna tersirat atau implikatur dalam wacana ketidaksantunan. Kajian oleh Subyantoro dan Apriyanto (2020) hanya menyentuh aspek permukaan dalam analisis pragmatik, walhal bahasa kasar boleh berlaku secara halus melalui frasa, ayat, atau keseluruhan wacana. Parvareh (2022), misalnya, mengenal pasti kebencian yang diungkap secara tersirat terhadap masyarakat Afghanistan melalui implikatur yang memerlukan interpretasi kontekstual untuk memahaminya. Dalam kajian oleh Saz-Rubio (2023), ketidaksantunan dianalisis dalam konteks respons terhadap ucapan perdana menteri di Sepanyol dan Britain, termasuk juga penggunaan implikatur sebagai alat menyampaikan sindiran atau ketidaksetujuan.

Kesemua dapatan ini menunjukkan bahawa meskipun implikatur lazimnya dikaitkan dengan kesantunan dan kehalusan berbahasa, dalam konteks media sosial, ia turut berfungsi sebagai medium menyampaikan ketidaksantunan secara tersirat. Justeru, kajian ini mengambil pendekatan bertujuan menganalisis bentuk dan fungsi bahasa kesat dalam interaksi siber.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dengan melihat kandungan media sosial aplikasi TikTok. Pendekatan ini dipilih kerana bukan sahaja menganalisis struktur bahasa yang digunakan, tetapi juga mempertimbangkan konteks sosial, politik dan ideologi yang membentuk sesuatu wacana. Sebanyak 14 data komen netizen berhubung isu tong gas ungu dan subsidi, iaitu penggunaan silinder gas petroleum cecair (LPG) komersial 14 kilogram ataupun tong LPG komersial dalam

kalangan peniaga kecil yang telah mencetuskan pelbagai respon sehingga menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat. Isu ini dikenal pasti dan dianalisis bagi memahami bentuk-bentuk ketidaksantunan berbahasa dalam kalangan pengguna media sosial, khususnya dalam konteks politik Malaysia semasa. Data seterusnya dianalisis dengan menggunakan Teori ketidaksantunan berbahasa Culpeper (1996, 2005) untuk memahami bagaimana norma bahasa diterapkan dan dilanggar dalam interaksi dalam talian.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Platform media sosial seperti Facebook, TikTok dan Twitter seharusnya menjadi ruangan bagi meluahkan pandangan, idea dan kebebasan bersuara secara berhemah. Namun, kini telah menjadi tempat untuk meluahkan rasa tidak puas hati dan tanda protes yang melampau terutamanya dalam diskusi hangat berkaitan politik, hiburan atau sukan. Terdapat tafsiran dan komen yang dibuat berdasarkan andaian peribadi tanpa fakta dan beremosi sehingga boleh menyinggung perasaan orang lain.

Data kajian ini diambil berdasarkan ruangan komen di platform media sosial TikTok berkaitan isu yang tular dalam masyarakat Malaysia. Pengguna dalam aplikasi TikTok memberikan pandangan dan meluahkan rasa tidak puas hati terhadap isu tong gas ungu dan subsidi yang diperkenalkan baru-baru ini. Analisis terhadap ungkapan-ungkapan dalam komen media sosial tersebut mendedahkan wujudnya unsur ketidaksantunan berbahasa yang sangat tinggi, khususnya apabila melibatkan isu penting seperti kenaikan harga barangan asas seperti tong gas. Hasil menunjukkan terdapat penggunaan bahasa kesat dalam ruangan komen sama ada ketika berbalas sesama pengguna atau ditujukan kepada seseorang bagi mengekspresikan emosi masing-masing.

Jadual 1 Ungkapan kesat dan makian secara langsung

Data	Komen
1.	Ya allah Engkau ambillah Barua walanon bernama tan
2.	Dia dalam kerajaan...dia tahu lh..kau thu apa brua dap
3.	Kepala otak ehh tu..nyusahkan rakyat jo...dio sodap kat ateh tu..yg susah nia jadi apo..bana dia..aaminn YRA
4.	Yg ckp camtu pon dah pakai wc skrg. Kena karma. Skrg mnada dlm dewan dh, tinggal lgi sekor ketua lotong hitam yg kt dahi ada line
5.	Kita bukan nak menjadi penjilat ke apa..tapi agaklah semua benda nak berkaitan Johor...hahahah
6.	Boleh juga dari kena kencing je dengan walanon
7.	Dap parti paling perosak kerajaan dan bapak segala rasis!
8.	Jangan bodohla YB. Kalua peniaga naikkan harga boikot saja
9.	Cian penjilat ...
10.	Tengok negeri pun tahu siapa yg banyak jilat
11.	Geng kaki kencing ..

Penggunaan strategi secara langsung merujuk kepada tindakan yang mengancam muka secara langsung, jelas dan tidak kabur serta dengan cara yang singkat dalam keadaan muka yang diaibkan (Culpeper, 1996, 2005). Dapatan mendapati terdapat penggunaan kata untuk menghina individu atau kumpulan politik tertentu, khususnya dengan label seperti 'barua walanon', 'kepala otak', 'sekor ketua lotong hitam', 'brua DAP', 'bapak segala rasis', 'penjilat', dan 'kaki kencing'.

Ungkapan kesat dan makian ini menunjukkan emosi pengguna yang tidak berpuas hati terhadap isu tong gas ungu dan subsidi. Dalam komen yang dikeluarkan ini, “Ya allah Engkau ambillah Barua walanon bernama tan”, perkataan ‘barua walanon’, dan “Dia dalam kerajaan...dia tahu lh..kau thu apa brua dap” yang ditujukan kepada individu bertujuan untuk menghina. Perkataan ‘barua’ ini membawa maksud orang yang menjadi perantaraan untuk melakukan perkara jahat dan membawa makna yang buruk dan merupakan penghinaan kepada orang yang diberi gelaran itu. Istilah ini boleh dianggap sebagai fitnah dan penghinaan peribadi kepada seseorang. Perkataan ‘barua’ yang sememangnya membawa maksud orang yang jahat apabila digandingkan dengan istilah ‘walanon’ ia merujuk kepada kumpulan penyokong politik tertentu.

Dalam ungkapan ini bukan sahaja menghina malah sehingga mendoakan individu tersebut ke arah yang tidak baik melalui ungkapan doa, “Ya allah Engkau ambillah barua walanon..”. Penggunaan ungkapan tersebut memperlihatkan unsur doa negatif, yang bukan sahaja mencerminkan kebencian melampau tetapi juga menggunakan elemen agama secara tidak beretika dalam budaya komunikasi masyarakat Malaysia. Begitu juga dengan ungkapan kesat “sekor ketua lotong hitam” yang ditujukan kepada pemimpin politik melalui perlambangan haiwan lotong atau seekor kera yang berekor panjang ditambah pula dengan perlambangan warna hitam yang lazimnya berkonotasi dengan perkara buruk atau negatif. Ungkapan ini juga berbentuk penghinaan yang menyamakan manusia dengan haiwan secara sindiran atau serangan peribadi kepada pemimpin yang mengetuai parti politik tertentu.

Penggunaan frasa-frasa seperti “Kepala otak ehh tu...nyusahkan rakyat jo.”, “jangan bodohla YB”, membawa konotasi penghinaan terhadap tahap keintelektualan seseorang individu atau tokoh yang menjadi sasaran. Istilah “kepala otak’ bukan sahaja mempertikaikan keupayaan akal fikiran seseorang, tetapi juga menunjukkan emosi pengguna media sosial yang berasa sangat marah dan kecewa terhadap tindakan yang dilakukan oleh pihak yang berautoriti. Kritikan dilakukan bukan sahaja tertumpu kepada tindakan atau dasar yang dikeluarkan, tetapi juga kepada keperibadian individu yang secara tidak langsung menguatkan lagi budaya makian dan ketidaksantuan dalam ruang maya. Serangan peribadi dilakukan dengan menuduh seorang wakil rakyat sebagai “bodoh” mencerminkan budaya politik yang semakin tercemar dengan kebencian, sindiran dan penghinaan yang melampau daripada pihak rakyat.

Begitu juga dengan frasa seperti “kena kencing je dengan walanon”, “Geng kaki kencing..”, di mana “kena kencing” bermaksud ditipu, dan apabila digandingkan dengan “walanon”, ia mengukuhkan lagi unsur retorik kebencian terhadap kumpulan atau penyokong politik tertentu. Penggunaan istilah ini boleh mewujudkan persepsi bahawa semua tindakan pihak lawan adalah tipu daya atau penipuan, tanpa sebarang justifikasi yang objektif. Istilah seperti “penjilat”, yang digunakan dalam frasa seperti “bukan nak jadi penjilat ke apa...” dan “cian penjilat...” pula menggambarkan kejian terhadap individu yang dianggap sebagai pengampu atau tidak mempunyai prinsip. Dalam konteks komunikasi politik, istilah ini sering digunakan untuk memperlekeh atau menuduh seseorang sebagai tidak bermaruah.

Selain itu, terdapat juga penggunaan kod untuk elak tapis algoritma aplikasi media sosial terhadap ungkapan kesat. Kebanyakan pengguna media sosial menggunakan kod numerik atau variasi ejaan untuk mengelak penapisan automatik (AI moderation / algoritma) oleh platform seperti TikTok, Facebook dan lain-lain. Walaupun kod makian tersebut tidak ditulis secara terang-terangan, namun maksudnya jelas difahami oleh komuniti pengguna dalam konteks perbualan tersebut. Fungsi penggunaan kod-kod makian sebegini di samping untuk mengelak tapisan automatik atau pelaporan kandungan, ia juga bertujuan untuk mengekalkan niat menghina dengan cara yang implisit tetapi difahami bersama. Secara tidak langsung penggunaan kod-kod ini menjadikan bahasa kebencian lebih kreatif dan sukar dikesan secara langsung. Contoh seperti dalam jadual di berikut:

Jadual 2 Ungkapan Menggunakan Kod Numerik atau Variasi Ejaan

Data	Komen
12.	Penjilat 80d0 ..cian..dah lah 80d0 kunyit non halal lagi...
13.	8481 punya pmx
14.	Dari tukar tong gas baik tukar kerajaan madani 8481 ni

Penggunaan kod makian seperti '80d0' ditafsirkan 'bodoh' melalui penggantian 'b', 'o', 'd', 'o' dengan nombor '8', '0', 'd', '0'. Ungkapan kesat ini ditujukan kepada individu yang menjilat atau memuji orang lain secara berlebihan, dan bertujuan untuk mendapatkan perhatian, keuntungan peribadi, atau mengambil muka dengan orang yang berkuasa. Dalam ungkapan ini dikatakan pemimpin tersebut seorang penjilat yang hanya bertujuan mengaut keuntungan dan ditambah dengan hinaan perwatakan melalui ungkapan slanga 'kunyit' yang merujuk kepada individu yang berperwatakan lembut seperti wanita (LGBT).

Manakala, kod nombor '8', '4', '8', '1', pula merujuk kepada perkataan 'babi', melalui kod visual '8=B', '4=A', '8=B', '1=I'. Ungkapan yang menggunakan kod ini bertujuan menghina individu dan meluahkan ketidakpuasan hati terhadap kerajaan Madani sekarang. Ini menunjukkan emosi dan perasaan marah yang melampau sehingga mengeluarkan ungkapan haiwan yang digunakan untuk merendahkan atau makian terhadap individu dan kerajaan.

Kod-kod yang digunakan ini bertujuan mengungkapkan emosi dan perasaan marah terhadap pemimpin atau kerajaan yang sedia ada. Algoritma aplikasi TikTok biasanya menyaring penggunaan perkataan lucah atau kesat secara automatik. Bagi mengelakkan sekatan platform ini, pengguna yang cerdik akan menggunakan kod dalam memberi komen atau meluahkan pandangan tanpa disekat. Apabila kod ini difahami ramai, ia akan menyuburkan budaya buli siber dan penghinaan tanpa rasa tanggungjawab. Dengan menggunakan kod juga, pengguna bebas berkomunikasi dalam komuniti tertentu tanpa dikenakan tindakan. Penggunaan kod ini juga bertujuan sebagai 'bahasa dalaman' sesama penyokong atau pembenci dalam politik.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, penggunaan bahasa dan etika berkomunikasi yang betul memainkan peranan yang penting dalam komunikasi di media sosial. Penggunaan bahasa dan etika yang salah bertentangan dengan nilai kesopanan dan kesantunan boleh mempengaruhi dan memberi kesan emosi kepada pengguna lain. Bahasa kesat dalam media sosial merupakan alat ekspresi yang sangat kuat, namun sangat berisiko tinggi. Amalan berbahasa dengan tidak sopan seperti menggunakan bahasa yang kesat, lucah, penyebaran fitnah dan menyampaikan maklumat yang tidak sahih boleh memberi kesan yang lebih buruk dalam sesebuah masyarakat.

Berdasarkan dapatan kajian ini, jelaslah penggunaan bahasa kesat digunakan bagi menunjukkan ketidakpuasan rakyat terhadap isu ekonomi dan polisi kerajaan terutama berkaitan harga, subsidi, dan kepimpinan. Dapatan ini membuktikan bahawa media sosial bukan sahaja menjadi medan maklumat, tetapi juga ruang lepas geram yang sarat dengan ketidaksantunan, sindiran, dan ideologi yang dipermudah. Bahasa kesat menjadi alat politik bagi menzahirkan kekecewaan, membentuk polarisasi, dan mencabar sempadan kesantunan tradisional dalam komunikasi awam. Terdapat juga serangan peribadi dan penghinaan politik, terutamanya serangan terus kepada individu dan menunjukkan sentiment perkauman. Individu juga meluahkan kekecewaan melalui penggunaan bahasa kesat dan tidak bermoral seperti melabel, mengejek dan menyebarkan fitnah politik kepada dalam media sosial yang dilihat lebih mudah dan tiada sekatan.

Media sosial merupakan wacana awam yang sihat dan beretika akan menjadi ancaman kepada masyarakat jika tidak digunakan dengan berhemah. Sehubungan dengan itu, langkah-langkah yang wajar haruslah diambil oleh pihak berwajib agar kesedaran dan penggunaan bahasa yang sopan dapat diamalkan dalam masyarakat pengguna semasa berkomunikasi dalam media sosial tanpa meyinggung perasaan dan menimbulkan kesan buruk terhadap pengguna lain. Dalam komunikasi dunia digital, kesedaran pengguna dalam menitikberatkan nilai kesantunan berbahasa perlulah diterapkan. Pengguna perlulah bijak dan tahu bila dan bagaimana hendak berkata sesuatu dan menyatakan pandangan masing-masing supaya ketidaksantunan ini dapat dibendung dan mengharmonikan masyarakat pengguna.

RUJUKAN

- Culpeper, J. (1996). Towards an anatomy of impoliteness. *Journal of Pragmatics*, 25(3), 349–367. [https://doi.org/10.1016/0378-2166\(95\)00014-3](https://doi.org/10.1016/0378-2166(95)00014-3).
- Culpeper, J. (2011). *Impoliteness: Using language to cause offence*. Cambridge University Press.
- Karim, N. S. A. (2009). *Tatabahasa Dewan* (Edisi Ketiga). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mansor, N. S., Mamat, R., Omar, R. C., & Ghazali, A. H. A. (2014). Ketidaksantunan bahasa sebagai strategi pujukan dalam iklan bahasa Sepanyol. *Journal of Language Study*, 14(3), 207–223.
- Paijin, N. F., Ja'afar, N., & Rusli, N. F. M. (2022). Penggunaan bahasa slanga dalam akaun Twitter “Brgsjk”. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(3), 1–13.
- Parvaresh, V. (2023). Covertly communicated hate speech: A corpus-assisted pragmatic study. *Journal of Pragmatics*, 205, 63–77. <https://doi.org/10.1016/j.pragma.2022.12.009>.
- Rofik, N. 'I. M., & Osman, M. (2024). Ungkapan kesat dalam penggunaan implikatur di media sosial pada musim pilihan raya. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 32(S1), 139–160. <https://doi.org/10.47836/pjssh.32.S1.06>.
- Saz-Rubio, M. M. (2023). Assessing impoliteness-related language in response to a season's greeting posted by the Spanish and English Prime Ministers on Twitter. *Journal of Pragmatics*, 206, 31–55. <https://doi.org/10.1016/j.pragma.2023.01.010>.
- Shaari, A. H. (2015). Bahasa makian dan kesat dalam media sosial: Kajian terhadap pengguna Facebook dalam kalangan remaja. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(1), 75–90. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2015-3101-06>.
- Subyantoro, S., & Apriyanto, S. (2020). Impoliteness in Indonesian language hate speech on social media contained in the Instagram account. *Journal of Advances in Linguistics*, 11(2), 36–46.
- Suganda, D., Yuliawati, S., & Darmayanti, N. (2022). Expression of emotion as impoliteness markers in Instagram comments section in Indonesia. *Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 1, 117–134. <https://doi.org/10.32890/rentas>.
- Zulhairi, N. I., & Kasdan, J. (2022). Ungkapan makian dalam wacana politik dan kepemimpinan di Twitter: Analisis ketidaksantunan berbahasa. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(1), 1–16.